


KOPERASI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA BERHAD

ATURAN-ATURAN PENGUNDIAN MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KPPUMB

1. Nama calon berserta dengan pencadang dan penyokong hendaklah sampai kepada Setiausaha di Pejabat Koperasi dalam tempoh 15 hari dari tarikh Mesyuarat Agung.
2. Setiausaha akan meletakkan nama calon-calon yang telah dicadangkan/dicalonkan itu dalam kertas undi yang akan diberikan semasa pengundian bilamana anggota menunjukkan kad pengenalannya.
3. Pengundian akan bermula jam 7.00 pagi pada hari Mesyuarat Agung Tahunan dan akan ditutup pengundiannya satu jam sebelum Mesyuarat Agung Tahunan bermula.
4. Setiap Anggota boleh menandakan tanda pangkah bertentangan dengan nama-nama calon tidak lebih dari empat calon yang difikirkannya untuk dipilih dan memasukkan kertas undi itu dalam kotak undi yang disediakan dalam kawasan undi yang telah ditetapkan oleh Lembaga.
5. Pengerusi Koperasi hendaklah memilih lapan Pengira Undi yang bukannya Anggota Lembaga atau yang telah dicalonkan untuk pemilihan. Mereka akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas aturan pemilihan. Mereka hendaklah selepas pemeriksaan yang rapi mendaftarkan pengundian tersebut dan mengemukakan kepada Pengerusi Mesyuarat Agung yang akan mengumumkan keputusan kepada Mesyuarat Agung tersebut.
6. Bilamana pencalonan anggota untuk pemilihan adalah kurang daripada kekosongan anggota lembaga, Pengerusi mesyuarat bolehlah mengistiharkan calon-calon tersebut terpilih dan mesyuarat hendaklah mengisi kekosongan anggota lembaga dari kalangan anggota-anggota yang hadir di mesyuarat tersebut.
7. Anggota-anggota yang gagal membayar yuran atau ansuran pinjaman melebihi 2 bulan semasa pencalonan/pemilihan adalah tidak layak untuk dicalonkan untuk pemilihan atau dipilih menjadi anggota lembaga.


Diakui aturan-aturan ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi yang ke 37 bertarikh tujuh belas haribulan Jun tahun dua ribu sembilan.



Amran b. Said
Pengerusi



Hanifah b. Abdullah
Setiausaha



K. GUNASAGARAN
Bendahari